

AL MUTAWALLI DALAM PENGURUSAN HARTA WAKAF DAN AMALAN DI MALAYSIA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

Che Zuina binti Ismail (Profesor Madya)
Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU),
Universiti Teknologi MARA Johor, Malaysia
Chezu270@johor.uitm.edu.my

ABSTRAK

Harta wakaf perlu dipelihara, dijaga dan dimajukan supaya manfaatnya bukan sahaja dapat dikekalkan dan memenuhi tujuan, malahan dapat dimaksimumkan. Sumbangan harta ini telah memberi impak yang besar dalam pembangunan ummah dalam setiap aspek, baik dari segi sosial, ekonomi, politik dan perundangan. Justeru pengurusan dan pembangunan harta wakaf di negara ini juga mestilah bersifat inovatif, kreatif dan proaktif berpaksikan kepada hukum syarak. Demi kepentingan ummah dan maksud yang telah dinyatakan di atas, penulisan ini telah mengupas konsep al-mutawalli (pengurus harta wakaf) dalam sistem pengurusan wakaf menurut syarak dan amalannya di Malaysia. Penulisan yang berbentuk konseptual dari aspek perundangan ini menggarap tiga objektif utama iaitu memberi kefahaman umum kepada pembaca tentang konsep pengurus harta wakaf (al-mutawalli), menjelaskan amalan pengurusan harta wakaf semasa dan akhirnya menilai sistem pengurusan harta wakaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri di Malaysia. Justeru ia menghuraikan beberapa ceraihan tajuk yang relevan dalam aspek pentadbiran dan pengurusan tanah wakaf menurut Islam, status dan bidangkuasa al-mutawalli, perlantikan al-mutawalli, tanggungjawab al-mutawalli, pemecatan al-mutawalli, upah dan ganjaran al-mutawalli, sejarah awal pengurusan wakaf di Malaysia dan akhirnya kupasan terhadap pengurusan dan pembangunan harta wakaf di Malaysia. Sememangnya saling jalinan tajuk-tajuk kecil di ruangan yang terhad ini mencetuskan dan memerlukan kesinambungan lanjutan kajian yang lebih kritis mengenai pengurus dan pengurusan harta wakaf di Malaysia.

Katakunci : *Al-Mutawalli*, Pengurusan, Harta Wakaf, Perundangan Islam.

PENDAHULUAN

Sistem perundangan Islam telah membuka ruang yang amat kondusif kepada pemikir dan cendekiawan Islam semasa untuk mencernakan idea-idea bernas dalam pengurusan tanah wakaf atas matlamat untuk menyelenggarakan pelaksanaan pembangunan tanah wakaf yang lebih efektif. Pengurusan tanah wakaf secara proaktif dan penuh integriti akan dapat menjelas dan menterjemahkan konsep *öÜbudiyyahö* bagi mengembalikan semula matlamat penjanaan institusi wakaf dalam konteks hubungan manusia dengan Allah dan manusia sesama manusia yang lain.

Di Malaysia, perkara yang berkaitan harta wakaf adalah satu aspek harta amanah yang disenaraikan di bawah Jadual Sembilan, Senarai II, Senarai Negeri. Perkara berkaitan wakaf telah diperuntukkan di dalam enakmen negeri masing-masing (Artikel 74 (1)(2), Perlembagaan Persekutuan). Semua tanah wakaf ditadbir dan diuruskan oleh MAIN (Majlis Agama Islam Negeri-negeri) sama ada harta alih dan tak alih (Baharuddin Sayin, 1998 : 94 ó 98) . Tanah-tanah wakaf yang didaftarkan ini adalah terletak hak kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf (Enakmen MAIN).

Walaupun tugas pentadbiran harta wakaf diberikan kepada MAIN sebagai Pemegang Amanah Tunggal, namun pentadbirannya tidak diuruskan oleh satu jawatankuasa khas yang hanya menguruskan tentang harta wakaf (Mohd Daud, 1999 : 7; Azizian, 1999 : 6). Peruntukkan wakaf di dalam enakmen-enakmen negeri tidak bersifat menyeluruh. Ia lebih menekankan aspek-aspek pentadbiran dan prosedur ringkas tentang pewakafan. Aspek-aspek substantifnya tidak ditekankan kecuali beberapa buah negeri sahaja yang memperuntukkan enakmen khusus tentang wakaf seperti negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka (Siti Mashitoh, 2006 : 3).

Bagi mengemaskinikan lagi jentera pentadbiran harta wakaf, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri YAB Datoø Seri Hj. Abdullah Ahmad Badawi pada 27 Mac 2004. Objektif penubuhannya ialah semata-mata untuk tujuan pemantauan dan penyelarasan bagi pengurusan Wakaf, Zakat dan Haji di negara ini demi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih baik. Penubuhan JAWHAR bukanlah bermaksud untuk mengambil-alih peranan dan tugas MAIN dan Jabatan Agama Islam Negeri dan jabatan-jabatan lain (Berita Harian, 24 April 2004).

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN TANAH WAKAF MENURUT ISLAM

Hukum Syarak telah menetapkan bahawa harta yang diwakafkan hendaklah diurus dan ditadbir oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengawal selia dan menjaga kemaslahatan harta wakaf agar ia dapat disalurkan kepada pihak yang benar-benar berhak menerimanya (Badran, 1986 : 307; Al-Khinn, 1992 : 32). Di dalam Islam seseorang yang dilantik untuk mentadbir harta wakaf atau pemegang amanah dikenali sebagai *õal-Mutawalliõ* (Al-Baghdadi, 1999 : 687). *Al-Mutawalli* adalah terdiri daripada orang atau badan yang mempunyai kemampuan, amanah dan berupaya melaksanakan apa yang dihajati oleh pewakaf (Al-Haskafi, t.t : 584).

Tugas-tugas utama adalah menjaga dan memelihara serta membangunkan tanah yang diwakafkan, mengutip hasil wakaf dan seterusnya mengagihkan kepada benefisiarinya yang berhak serta memeliharanya dengan sebaik mungkin daripada sebarang kehilangan dan kerosakan, sebagaimana yang disyaratkan oleh pewakaf (Al-Nawawi, 2000 : 411; Al-Syirbini, 1994 :535; Al-Bahuti, t.t.:268; Al-Bajirmi, 2000 : 233; Al-Ramli, 1967 : 399).

Para ulama bersepakat menyatakan bahawa pewakaf mempunyai bidang kuasa yang luas untuk melantik sesiapa sahaja bagi mentadbir dan menguruskan harta wakafnya. Pewakaf boleh melantik dirinya sendiri sebagai pemegang amanah atau menyerahkan amanah ini kepada orang yang menerima wakaf, atau selain daripada keduanya. Jika sekiranya pewakaf meletakkan sesuatu syarat kepada mereka yang dilantik, maka pemegang amanah itu hendaklah melaksanakan syarat dan mematuhi segala ketetapan yang dibuatkan oleh pewakaf. Sebaliknya, jika pewakaf tidak menentukan kepada mana-mana pihak untuk menguruskan harta wakafnya, maka pihak hakim akan menentukannya. Ini adalah pandangan ulama mazhab Maliki dan ulama mazhab Syafiõ. Namun kebanyakan fatwa menyebutkan bahawa wakaf bagi tujuan umum atau tujuan khusus yang ditentukan, hak untuk mentadbir harta berkenaan adalah di tangan hakim.

Pada pandangan mazhab Hanbali, sekiranya pewakaf telahpun menentukan secara khusus pihak yang akan menerima wakaf dan setiap mereka ada bahagiannya, maka penerima wakaf itu sendiri adalah pemegang amanah bagi tanah yang diwakafkan kepadanya. Berbeza dengan tanah wakaf Am yang tidak ditentukan penerima wakafnya seperti wakaf untuk masjid, fakir miskin, maka Hakim atau pembantunya selaku nazir atau pemegang amanah ke atas harta berkenaan (Al-Nawawi, 2000 : 410).

Terdapat juga pandangan fuqaha Hanbali bahawa hak pengawalan harta tersebut adalah tertakluk kepada mereka yang menerima wakaf, sekalipun tidak disyaratkan (Ibn Qudamah, 1992 : 32; Zuhdi Yakan, t.t. : 330). Menurut mazhab ulama Hanafi, pewakaf adalah pihak yang bertanggungjawab terhadap apa jua urusan ke atas harta yang diwakafkan, sama ada wujudnya syarat atau sebaliknya. Kemudian berpindah kepada orang yang diwasiatkan oleh pewakaf jika ada. Jika tidak hakim akan mengambil alih tugas tersebut (Al-Haskafi, t.t : 516; Al-Sarakhsi, 1978 : 44). Pandangan ini merujuk kepada konsep wakaf itu sendiri bahawa hak milik harta yang diwakafkan tetap kekal di tangan pewakaf. Manakala pandangan yang mengatakan bahawa pihak yang menerima wakaf akan menjadi pentadbir dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap harta berkenaan, kerana sesuatu yang diwakafkan itu tidak lagi menjadi miliknya. Maka kuasa mentadbir akan terserah kepada orang yang diwakafkan atau kepada kadi.

Status Dan Bidangkuasa *Al-Mutawalli*

Seseorang yang mentadbir dan menguruskan harta wakaf dikenali dengan pelbagai nama. Di antaranya ialah *mutawalli*, *nazir* atau *qayyim* (Mohd Zain, 1982 : 166). Seseorang *al-mutawalli* itu hendaklah dilantik daripada orang yang mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu yang dapat menjalankan tugasnya sebagai pentadbir ke atas harta wakaf itu menurut tujuan-tujuannya yang telah ditetapkan.

Sudah menjadi kebiasaan umum bagi orang yang berwakaf ingin mencapai hasrat untuk berwakaf dengan sebaik-baiknya agar amalan tersebut dapat mendekatkan diri kepada Allah di samping menyumbang dan membantu ekonomi masyarakat Islam. Maka adalah menjadi tanggungjawab *al-mutawalli* ataupun pentadbir wakaf untuk merealisasikan segala syarat dan ketetapan yang telah dibuat oleh seorang pewakaf. Hal ini adalah merupakan tanggungjawab utama yang harus dipikul oleh *al-mutawalli*. Ini kerana di dalamnya melibatkan hak Allah dan hak masyarakat. *Al-Mutawalli* yang dilantik tidak boleh menguruskan harta wakaf tersebut sesuka hati mengikut kemahuan sendiri. Tanggungjawab utama *al-mutawalli* ialah untuk merealisasikan hasrat pewakaf. Selain itu, *al-mutawalli* hendaklah berhati-hati dalam mentadbir dan menguruskan harta amanah wakaf ini kerana ia terpaksa berhadapan dengan semua kepentingan dan hak masyarakat di dalamnya.

Al-Mutawalli juga berperanan dalam memelihara dan memastikan harta wakaf berada dalam keadaan baik, selamat dan sempurna. Terhindar daripada segala kecacatan dan kerosakan. *Al-Mutawalli* juga boleh mendapatkan hasil keuntungan untuk harta wakaf, mengutip hasil wakaf dan seterusnya mengagihkannya kepada mereka yang berhak. *Al-Mutawalli* juga hendaklah merujuk kepada al-Qadi atau mufti dalam perkara-perkara yang memerlukan ia berbuat demikian melainkan pewakaf telah menentukannya. *Al-Mutawalli* juga dikehendaki mengambil tindakan

yang wajar untuk tujuan pembangunan sesuatu wakaf agar ianya dapat dimajukan dan dikembangkan termasuk untuk pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

Perlantikan *Al-Mutawalli*

Al-Mutawalli boleh dilantik oleh pewakaf sendiri ataupun oleh pihak lain. Seseorang pewakaf boleh menjadi pentadbir bagi wakaf yang dibuat olehnya dan boleh juga melantik mana-mana pihak untuk menguruskan wakafnya termasuk benefisiari wakaf itu sendiri. Jika pewakaf mensyaratkan jawatan *al-Mutawalli* itu dipegang olehnya sendiri dan keluarganya ataupun pihak yang lain, maka ianya hendaklah diikuti (Al-Syarbini, t.t:392). Sekiranya pewakaf tidak mensyaratkan pengawasannya kepada mana-mana orang, maka ianya menjadi tanggungjawab al-Qadi kerana beliau bertanggungjawab dalam semua perkara termasuk dalam mengawasi harta wakaf (Abu Zahrah, 1959 : 361).

Tanggungjawab *al-Mutawalli*

Pengurus wakaf mempunyai tanggung meliputi seluruh kegiatan dan aktiviti yang berhubung dengan keselamatan, pengembangan, pembangunan dan pengagihan hasil harta wakaf. Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pengurus harta wakaf ialah (al-Ramli, 1967 : 397):

- i. Menguruskan hal ehwal berkaitan wakaf termasuklah pendaftaran, pengumpulan data, pembangunan, penyewaan, pengutipan hasil dan mengagihkan hasil kepada mereka yang berhak, menyimpan sumber dan hasil sebagai simpanan serta tugas-tugas lain.
- ii. Menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan untuk mengembang, menambah dan memajukan lagi harta dan hasil-hasil wakaf. Pengurus wakaf perlu mengadakan satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar dalam pelbagai bidang agar perancangan dan tindakan yang diambil kelak benar-benar mendatangkan faedah.
- iii. Sentiasa bersifat sabar, berwaspada dan teliti ketika menjalankan tugas, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah.

Pengurus wakaf dilarang sama sekali melakukan perkara-perkara yang dilarang. Antaranya :

- i. Menggunakan harta wakaf untuk kepentingan peribadi.
- ii. Cuai ketika menjalankan tugas.
- iii. Tidak menyelenggara dengan betul rekod-rekod yang berkaitan wakaf.
- iv. Melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hukum syarak.
- v. Memalsukan rekod untuk tujuan menggelapkan harta wakaf.

Pemecatan *Al-Mutawalli*

Al-Qadi berhak memecat *al-mutawalli* yang sedia ada sekiranya *al-mutawalli* tidak berupaya atau lemah dalam menguruskan harta wakaf itu seperti ahli *bi'azzi*, iaitu orang yang telah ditentukan tidak mampu menguruskan harta. Begitu juga sekiranya didapati *al-mutawalli* itu seorang pengkhianat. *Al-Mutawalli* akan terlucut. Seseorang pewakaf itu tidak dibenarkan memecat dirinya sendiri kecuali ianya telah diputuskan oleh *Qadi*.

Selain itu, *al-mutawalli* juga boleh melantik mana-mana pihak lain untuk melaksanakan pengurusan wakaf tersebut dan dibenarkan untuk memecatnya pada bila-bila masa. Pihak yang dilantik oleh *al-mutawalli* itu akan tamat kuasanya apabila dalam dua keadaan iaitu apabila kematian *al-mutawalli* dan pihak tersebut menjadi gila. *Al-Qadi* akan melantik pihak lain sekiranya didapati *al-mutawalli* yang sedia ada menjadi fasik bagi menggantikannya.

Upah dan Ganjaran *Al-Mutawalli*

Tindakan memberikan ganjaran kepada *al-mutawalli* telah dilakukan oleh Umar Ibn al-Khattab sebagaimana katanya yang bermaksud : tidak mengapa bagi orang yang mengawasinya untuk makan hasilnya dengan kadarnya (Abu Zahrah, 1971 : 334). Secara umumnya, Islam tidak meletakkan dan menetapkan secara spesifik amaun atau jumlah upah yang dibenarkan untuk *al-mutawalli* dalam mentadbir dan menguruskan harta wakaf. Sebelum ini ada penetapan sebanyak 10% upah daripada hasil wakaf kepada *al-mutawalli* namun ianya tidak mempunyai asas dalam perundangan Islam melainkan ianya diterima pakai sebagai adat kebiasaan pada masa itu. Fuqaha telah bersetuju bahawa pewakaf berhak dalam menentukan beberapa jumlah dan amaun yang akan diberikan sebagai upah kepada *al-mutawalli* ketika menguruskan harta wakaf tersebut (Abu Zahrah, 1971 : 334).

SEJARAH AWAL PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA

Pada peringkat awal tidak terdapat dengan jelas bentuk pengurusan harta wakaf. Apa yang dapat dikesan hanya terdapat beberapa tanda yang menunjukkan bahawa pengurusan wakaf berada di tangan orang-orang yang mewakafkan sendiri atau berada di tangan pemimpin masyarakat tempatan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti agama seperti kadi, imam, ketua kampung, penghulu, atau jawatankuasa masjid yang dilantik sendiri oleh masyarakat setempat.

Biasanya orang-orang yang ingin mewakafkan hartanya sama ada wakaf khas atau wakaf am, mereka berwakaf secara lisan dengan disaksikan oleh beberapa orang Islam yang amanah dan melantik pengurus wakaf dalam bentuk individu, kumpulan dan sebagainya untuk menguruskan harta wakaf. Pengurusan wakaf pada masa itu begitu mudah dan masyarakat akur tentang hukum hakam yang bersangkutan dengan wakaf. Mana-mana harta dan hasil wakaf khas digunakan untuk tujuan wakaf khas dan mana-mana harta dan hasil wakaf am digunakan untuk kebajikan Islam secara umum. Jarang sekali berlaku salah faham, pencerobohan, pecah amanah atau tuntutan kembali harta wakaf oleh ahli waris walaupun amalan itu dilakukan secara lisan.

Pemegang amanah yang dilantik dan ditugaskan sebagai pengurus biasanya terdiri daripada mereka yang mempunyai sifat amanah, disegani dan dihormati oleh masyarakat setempat seperti alim ulama, tok-tok guru, imam, ketua kampung, penghulu, ahli jawatankuasa masjid dan sebagainya. Terdapat sesetengah daripada harta wakaf telah didaftarkan atas nama mereka sebagai pemegang amanah. Tidak kurang jumlahnya harta-harta wakaf yang langsung tidak didaftarkan sebagai wakaf, sebaliknya masih kekal di atas nama pewakaf. Ada juga di antara harta wakaf direkodkan oleh pengurus sebagai wakaf tetapi nama pewakaf masih tercatat pada surat hak milik harta yang telah pun diwakafkan.

Berlakunya keadaan tersebut di atas adalah disebabkan ketiadaan peraturan, undang-undang dan sistem yang mewajibkan agar semua harta wakaf dapat didaftarkan sebagai wakaf. Di samping itu sikap sesetengah pengurus yang tidak peka ketika itu untuk mendaftarkan atau membuat catitan untuk tujuan rekod peringatan tentang harta-harta yang telah diwakafkan. Keadaan sedemikian berlarutan hingga tertubuhnya Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan diperkenalkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri di Malaysia yang memperuntukan bahawa Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf atau nazar am.

Johor merupakan negeri pertama yang dapat dikesan memperkenalkan undang-undang wakaf secara bertulis iaitu Enakmen Larangan Wakaf 1911 (*Wakaf Prohibition Enactment 1911*). Perak negeri kedua memperkenalkannya iaitu Enakmen Kawalan Wakaf 1951 (*Control of Wakaf Enactment 1951*). Enakmen Wakaf Perak dikemaskini dan dinamakan Peraturan Kawalan Wakaf 1959.

Sejarah pengurusan wakaf di Malaysia hanya dapat dikenalpasti sejak limapuluh (50) tahun lalu melalui undang-undang mengenai wakaf yang terkandung di dalam enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Selangor merupakan negeri pertama yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam sebagai pengurus harta-harta wakaf tahun 1952. Kemudian diikuti oleh Kelantan tahun 1953, Terengganu 1955, Pahang 1956, Melaka 1959, Pulau pinang 1959, Negeri Sembilan 1960, Kedah 1962, Perlis 1964, Perak 1965, Wilayah Persekutuan 1974, Sabah 1977, Johor 1978 dan Sarawak 2001. Sebelum tarikh-tarikh tersebut hanya Johor dan Perak sahaja yang pernah mempunyai undang-undang mengenai wakaf (Baharuddin Sayin et.al, 2006: 13 ó 14).

Urutan dari sistem pengurusan wakaf yang kurang kemas di masa lampau seperti ketiadaan rekod bertulis yang dikemaskini, pendaftaran harta wakaf yang terabai dan sebagainya, menyebabkan MAIN kini menghadapi dua masalah besar. Pertama, masalah untuk mengenalpasti jumlah dan kedudukan harta wakaf. Kedua, masalah untuk mendaftar harta wakaf atas nama Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah. Masalah berkenaan akan bertambah rumit sekiranya pewakaf atau pengurus yang dilantik telah meninggal dunia sementara ahli waris mendakwa harta berkenaan bukan sebagai wakaf. Akibat dari masalah-masalah yang dihadapi oleh Majlis kini, terdapat beberapa kes pengambilan balik harta wakaf oleh ahli waris tanpa pengetahuan Majlis dan tidak kurang juga jumlahnya harta-harta wakaf yang hanya dapat dikesan selepas ianya digunakan untuk tujuan-tujuan bukan wakaf.

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA

Merujuk kepada Enakmen MAIN, MAIN adalah Pemegang Amanah Tunggal bagi kesemua harta wakaf, termasuk Wakaf Am atau Wakaf Khas, bagi semua Nazar Am dan jenis amanah yang menjadi Amanah Khairat kerana bantuan dan kemajuan Islam dan faedah bagi orang-orang Islam mengikut hukum syarak. Peruntukkan ini disebut secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu :

õWalau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana suratcara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh kepada perkara itu, maka hendaklah Majlis menjadi pengawal tunggal bagi semua wakaf, sama ada

wakaf Am atau Wakaf Khas dan semua nazar am dan semua amanah dari serba jenis yang mewujudkan amanah khairat untuk bantuan dan kemajuan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, dan yang terletak di negeri ini atau jika orang yang membuat penyelesaian harta itu atau lain-lain orang yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar am itu berdomisil di negeri ini, setakat semua harta yang tersentuh olehnya di mana jua harta itu terletak (Seksyen 63)

Sementara Seksyen 64 Enakmen menyatakan :

“segala harta, pada yang ditetapkan, tertakluk kepada seksyen 63 hendaklah, jika terletak di dalam negeri ini, terletak hak pada majlis

Tujuan perlantikan Majlis sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf ini adalah untuk memastikan wakaf diurus dan ditadbir dengan baik, efisien sehingga dapat menjana hasil yang lumayan yang dapat dimanfaatkan oleh benefisiarinya atau bagi tujuan-tujuan kebajikan, sama ada telah ditentukan atau tidak ditentukan oleh pewakaf. Apa yang penting sekali adalah untuk mengelakkan daripada pelbagai masalah yang timbul melalui perlantikan pemegang amanah persendirian yang tidak amanah serta campur tangan ahli waris telah menyebabkan kehilangan harta dan status wakaf yang seterusnya menyimpang daripada tujuan asalnya dan bertentangan pula dengan prinsip undang-undang (Siti Mashitoh, 2005 : 3).

Dari segi perundangannya, walaupun badan ini dianggap sebagai badan yang menjadi pemegang harta amanah wakaf, namun ia tidak bermakna semua tanah wakaf adalah menjadi milik mutlak MAIN. Dalam proses membuat keputusan, MAIN berhak untuk membuat perjanjian, membeli, mengambil, memegang dan memiliki harta sama ada harta alih atau tak alih untuk menukar, memindah dan membangun segala harta yang terserah milik kepada MAIN mengikut mana-mana peraturan yang tersedia ada menurut hukum syarak. Peraturan ini memberi kuasa kepada MAIN untuk melaksana dan membangun harta wakaf yang ditadbir oleh MAIN.

Merujuk kepada kuasa-kuasa yang diperuntukkan, MAIN secara keseluruhannya berhak menjalankan segala aktiviti pembangunan ke arah kemajuan ekonomi yang difikirkan perlu dan segala faedah daripada harta wakaf tersebut dapat diagihkan. MAIN juga boleh melibatkan usahasama dalam memajukan mana-mana aktiviti, sama ada dijalankan oleh lain-lain badan, atau orang, atau sama ada di bawah kelolaan atau secara persendirian dengan memberi bantuan kepada mereka yang dilihat oleh MAIN layak untuk menjalankan segala aktiviti. Bagi meningkatkan lagi pendapatan, MAIN berhak menjalankan aktiviti secara usaha sama dengan badan lain sama ada daripada perbadanan, kerajaan atau swasta (Enakmen MAIN).

Meneliti keputusan yang dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka terhadap wakaf khas dalam kes *Ismail bin Wahab lwn. Majlis Agama Islam Melaka dan 3 Yang Lain* (JH 25 BHG. 1 [Kes Mal No: 04100-099-0053-2005]) adalah pengukuhan peranan Majlis Agama Islam Negeri-negeri sebagai *al-mutawalli*. Mahkamah memutuskan antaranya :

(i) Mahkamah memberikan kuasa kepada Majlis selaku pemegang amanah, mengelola, membangunkan, mengembangkan, menyewa seterusnya mengimarahkan dan memakmurkan

serta memelihara tanah wakaf tersebut serta mengumpulkan hasil dan membahagikan hasil wakaf kepada mereka yang layak menerimanya. Untuk itu mahkamah perintahkan kepada pewaris-pewaris yang disenaraikan menyerahkan segala dokumen termasuk geran-geran dan hasil mahsul kepada Majlis selaku pemegang amanah untuk menjalankan tanggungjawab yang diamanah mulai 8 Mac 2007 dan Majlis adalah dilarang mendaftarkan harta tersebut selagi mana waris-waris yang berhak yang disenaraikan masih lagi hidup.

Perintah Mahkamah tersebut adalah selaras dengan sek.77 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. Seksyen ini memperuntukkan;

“Walaupun apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal:

- a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
- b) semua nazar am; dan
- c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

Setakat mana-mana harta yang tersentuh oleh wakaf, nazar am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Melaka.

KESIMPULAN

Setiap tindakan pengurus wakaf (*al-mutawalli*) hendaklah menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan yang ada bagi memastikan pulangan yang optima dapat dihasilkan, ini kerana segala pergerakan, pembangunan dan perubahan yang dibuat akan dinilai oleh pihak yang melantiknya dan masyarakat amnya. Di Malaysia, peranan ini telah dipertanggungjawab dan dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Semoga amanah ini direalisasikan secara serius demi menjana keprofesionalisma pengurusan pembangunan tanah wakaf yang berintegriti, relevan dan selaras dengan perkembangan pengurusan dan perundangan kontemporari.

RUJUKAN

- Azizian bin Hamid (1999). “Pentadbiran dan pengurusan Harta Tanah Wakaf di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru, Anjuran Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, pada 8 Julai 1999, h. 6.
- Abu Zahrah Muhammad (1971). *Muhadarah fi al-Waqf*, cet. 2, Kaherah :Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Badran, Badran Abu al-Aynayn (1986), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*, Kaherah : Dar al-Jami‘ah.
- Al-Baghdadi, Abu Muhammad Ghanim b. Muhammad (1999). *Majma’ al-Damanat fi Madhab al-Imam al-A’zam Abi Hanifah al-Nu’man*, jld.2, Dar al-Salam.
- Al-Bahuti, Mansur b. Yunus b. Idris (t.t.). *Kasyaf al-Qinna’ ‘An Matan al-Iqna’*, jld. 4, Riyad : Maktabah al-Nasr al-Hadithah.

- Al-Bajirmi, al-Syaykh Sulayman (2000). *Hasyiyah al-Bajirmi 'ala Syarh Manhaj al-Tullab*, jld.3, Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khinn, Mustafa Sa'ïd (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji ala Madhab al-Imam al-Syafie..* cet. 3, Damsyiq : Dar al-Ilmi.
- Al-Haskafi, Muhammad 'Ala' al-Din (t.t). *Sharh al-Durr al-Mukhtar*, jld. 2, Kaherah : Matba'ah Sabih wa Awladihi.
- Abu Zuhrah, Muhammad (1959). *Muhadarat fi al-Waqf*, Kaherah : Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya (2000). *Rawdah al-Talibin*, jld. 4, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad Abi al-Abbas Ahmad (1967). *Nihayah al-Muhtaj 'Ala Sharh al-Minhaj*, juz.5, Mesir : Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi.
- Al-Sarakhsi, Sham al-Din (1978). *Kitab Al-Mabsut*, cet. 3, jld. 12, Beirut : Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Sharbini, al-Syaykh Muhammad al-Khatib (t.t). *Mughni al-Muhtaj*, juz. 2, Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syirbini, Syam al-Din Muhammad al-Khatib b. Ahmad (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat al-Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jld.21, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan (1993), Sek.61.
- Artikel 74 (1)(2), Perlembagaan Pesekutuan.
- Baharuddin Sayin (1998). "Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf di Semenanjung Malaysia", *Jurnal Fikrah*, jld. 1, Januari 1998, Pusat Pendidikan Persediaan, Institut Teknologi MARA, h. 94 ó 98.
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali & S.Salahudin Suyurno (2006). *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*, Selangor : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.
- Berita Harian*, 24 April 2004.
- Enakmen Pentadbiran Ugama Perak, (No.3/1992).
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (No.4/2004).
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (No.3/1991).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka (2002).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor (No.16/2003).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Kedah (No.9/1962).
- Enakmen Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, (No.2/2001).
- Enakmen Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, (No.4/1994).
- Enakmen Wakaf Negeri Selangor, (No.7/1999).
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan (No.16/2005).
- Enakmen Wakaf Negeri Melaka (No.5/2005).
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Muwaffaq al-Din 'Abd Allah (1992). *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad b. Hanbal*, jld.2, Beirut : Dar al-Fikr.
- Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983.
- JH 25 BHG. 1 [Kes Mal No: 04100-099-0053-2005].
- Mohd Daud bin Bakar (1999). "Kedudukan Institusi Wakaf daripada Perspektif Undang-undang", *Kertas Kerja Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru*, Anjuran Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, pada 8 Julai 1999, h. 7.
- Mohd Zain bin Haji Othman (1982). *Waqf in Malaysia Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

- Siti Mashitoh Mahamood (2005). öKe Arah Pengurusan Aset Wakaf yang Profesional dan Berdaya Majuö, Bengkel Hibah dan Wakaf, Anjuran YADIM dan BCT Berhad di Awana Genting Hotel & Resorts, pada 17 ó 18 September 2005.
- Siti Mashitoh Mahamood (2006), öUndang-undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysiaö, dalam Siti Mashitoh Mahamood et. al. (ed.), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Zuhdi Yakan (t.t). *Ahkam al-Waqf*, Beirut : Maktabah al-Asriyyah.

icops2010